

Publication	Berita Harian	Section /Page No.	Bisnes / Pg. B3
Date	Mon, 10th Oct 2016	Lead Article	Yes
Headline	Cloudera, Sedania Innovator Mahu Kuasai BDA Tempatan		

Cloudera, Sedania Innovator mahu kuasai BDA tempatan



Hasil kaji selidik International Data Corporation (IDC), nilai perbelanjaan BDA di Malaysia dianggarkan sekitar AS\$80 juta (RM331.11 juta) menjelang 2018, dan menjadi sasaran kami menawan perkongsian terbesar segmen itu”

Amr Awadallah,
Ketua Pegawai Teknikal Cloudera

➔ Segmen analisis data besar memiliki prospek cerah, Malaysia mampu jadi hab serantau

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bharian.com.my

Cloudera, penyedia perisian analisis data besar berpangkalan di Amerika Syarikat (AS), bersama rakan niaga tempatan, Sedania Innovator Bhd, mendekati beberapa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam perlumbaan menguasai perkongsian pasaran terbesar segmen Analisis Data Besar (BDA) di negara ini.

Pengasas merangkap Ketua Pegawai Teknikal Cloudera, Amr Awadallah, berkata segmen BDA yang masih pada peringkat awal di rantau ini, juga di negara ini, memiliki prospek untuk dikembangkan, malahan Malaysia dilihat berpotensi dijadikan hab BDA rantau ini.

“Merujuk hasil kaji selidik International Data Corporation (IDC), nilai perbelanjaan BDA di Malaysia dianggarkan sekitar AS\$80 juta (RM331.11 juta) menjelang 2018, dan menjadi sasaran kami untuk menawan perkongsian terbesar segmen itu di negara ini.

“Kami akan bersemuka dengan

beberapa peneraju GLC (syarikat berkaitan kerajaan) pada satu majlis makan malam,” kata bekas jurutera di Yahoo itu.

Beliau berkata demikian pada sesi temu bual dengan *BH* pada acara sampingan pameran Big Data Week Asia di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Hadir sama Pengarah Urusan Sedania Innovator, Datuk Azrin Mohd Noor.

Difahamkan GLC terbabit ialah PETRONAS, Permodalan Nasional Bhd (PNB), Agro Bank, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

Data tidak berupaya

Data besar merujuk barisan data yang besar dan kompleks dengan aplikasi pemrosesan secara tradisional tidak berupaya mengendalikannya.

Data yang diperoleh digunakan untuk membuat ramalan analitis, mengenal pasti tabiat pengguna dan kaedah analisis lanjutan lain yang mengekstrak nilai daripada data diperoleh, bagi manfaat tertentu.

Antara cabaran data besar ialah

menganalisis, menyimpan, mengemas kini dan jaminan keselamatan maklumat sensitif.

Amr berkata, ketepatan analisis data besar menjurus kepada syarikat untuk membuat keputusan bijak dan meyakinkan bagi meraih keberkesanan operasi lebih tinggi, mengurangkan kos dan risiko.

Kontrak 5 tahun

Julai lalu Sedania Innovator memeterai perjanjian dengan Cloudera.

Di bawah kontrak lima tahun itu, Sedania Innovator diberi hak menyediakan perkhidmatan analisis data besar Cloudera kepada syarikat di Malaysia, selain memberikannya akses untuk memasuki pasaran Asia Tenggara.

Sedania Innovator adalah syarikat pegangan pelaburan dengan anak syarikat terbabit dalam perniagaan berkaitan teknologi telekomunikasi.

Sementara itu, Azrin berkata, usaha sama dengan Cloudera itu meletakkan Sedania Innovator itu barisan hadapan dengan menyediakan alat revolusioner bagi menganalisis data secara berkesan.